


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

**MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG MESIN DAN
PERALATAN PEJABAT UNTUK MBSJ BAGI TAHUN 2024**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KP.400-5/2/75 JLD 2
TARIKH BUKA	30 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
TARIKH TUTUP	08 OKTOBER 2024 (SELASA)
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
www.mbsj.gov.my**

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	4-5
B	PREAMBLES	7
C	BORANG SEBUT HARGA	9
D	SENARAI KUANTITI	11-12
E	SPEKIFIKASI BEKALAN	14-18
F	PENENTUAN BEKALAN	20-24
G	KADAR DENDA	26
H	JADUAL PENGHANTARAN	28
I	SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)	30-31



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

PREAMBLES

PREAMBLES

Bil	Huraian
A	
1.	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Kod bidang: 020201 - Mesin Pejabat Dan Aksesori 020301 - Perkakas Elektrik Dan Aksesori 020302 - Perkakas Elektronik Dan Aksesori
2.	Pihak petender perlu mengemukakan tempoh jaminan (<i>warranty</i>) satu (1) tahun (minima) untuk sebarang kerosakan mesin
3.	Sebarang kos berkaitan semasa penghantaran adalah ditanggung oleh petender yang berjaya.
B	<u>CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) BERDASARKAN AKTA CUKAI JUALAN 2018 [AKTA 806] DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 [AKTA 807].</u>
1	Semua tawaran harga secara Tender / Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kiraan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).
2	Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis.
3	Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).
4	Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta SST 2018). Pelarasan harga kenaaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
PERSIARAN PERPADUAN,
USJ 5, 47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG MESIN DAN PERALATAN PEJABAT UNTUK MBSJ BAGI TAHUN 2024

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima Sebut Harga)

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti dan memahami semua syarat termasuk senarai kuantiti dan penentuan kerja yang ditetapkan dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan/~~perkhidmatan~~ tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah harga sebanyak :-

RM:..... (Ringgit Malaysia:
..... (dalam perkataan)

Saya/Kami bersetuju dengan penetapan tempoh masa pelaksanaan bekalan ini adalah selama: **30 hari**. Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

.....
(Tandatangan Petender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

Alamat

.....

.....

No. Telefon :

No. Telefon :

Tarikh :

Tarikh :

.....
(Meterai atau Cop Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

TAJUK : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG MESIN DAN PERALATAN PEJABAT UNTUK MBSJ BAGI TAHUN 2024

NO. SEBUT HARGA:

BIL	PERKARA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	MESIN PERINCIH FELLOWERS MINI ATAU SETARA	3
2.	MESIN PERINCIH KERTAS EBA HEAVY DUTY ATAU SETARA	2
3.	FELLOWERS JUPITER A3 GENERAL OFFICE LAMINATOR ATAU SETARA	7
4.	MESIN PENEBUK LUBANG-KANGARO HEAVY DUTY PUNCHER HOLES 300 SHEETS ATAU SETARA	4
5.	PISAU PENEBUK LUBANG (KC-160-120)	20
6.	PELAPIK (KC-160N-127)	20
7.	HEAVY DUTY FELLOWERS PAPER CUTTER ATAU SETARA	2
8.	AUTOMATIC HAND DRYER ATAU SETARA	2
9.	KARCHER WD1 WET AND DRY VACUUM CLEANER 15L WD 1 CLASSIC ATAU SETARA	3
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)			

(Ringgit Malaysia:

.....

.....)

(RM.....)

TEMPOH BEKALAN (DITETAPKAN) : TIGA PULUH (30) HARI
TEMPOH JAMINAN (WARRANTY) : SATU (1) TAHUN (MINIMA)

.....
(Tandatangan Syarikat dan Cop)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

Nama Penuh:

No. K / Pengenalan:

No. K / Pengenalan:

Atas Sifat:

Alamat:.....

Cop & Alamat:

.....

.....

.....

.....

.....

No. Telefon:

No. Telefon:

No. Fax:

No. Fax:







MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA




BAHAGIAN E


SPEKIFIKASI BEKALAN

SPESIFIKASI MESIN DAN PERALATAN PEJABAT

BIL	PERKARA / SPESIFIKASI	GAMBAR	KUANTITI
1	<p>MESIN PERINCIH FELLOWES (MINI)</p> <p>Cut Type: Micro Cut Brand : Fellowes Capacity: 30 LITER Color: Black Special Feature: Quiet Operation Shredder Material: Paper, Staples, Paper Clips, Credit Card, CD/DVD Cutting Capacity :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ 20 sheets ▪ Micro-Cut ▪ Shred size Over 2000 particles per A4 sheet. (2 x 12 mm) <p>Jaminan / Warranty : Minima 2 Tahun</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 years manufacturer warranty against the manufacturing defect <p>ATAU SETARA</p>		3
2	<p>MESIN PERINCIH KERTAS EBA HEAVY DUTY</p> <p>Cutting Width : 4mm (Straight Cut)</p> <p>Cutting Capacity : 30-32 sheets (70gms)</p> <p>Insertion Width : 260mm (A4)</p> <p>Shredder Material : Paper, Staples, Paper Clips, Credit Card, CD/DVD</p>		2

	<p>Dimensions : (H)926 x (W)495 x (D)470mm</p> <p>Bin Size : 100 Litres</p> <p>Jaminan / Warranty : Minima 2 Tahun</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 years manufacturer warranty against the manufacturing defect <p>ATAU SETARA</p>		
<p>3</p>	<p>FELLOWES JUPITER A3 GENERAL OFFICE LAMINATOR ATAU SETARA</p> <p>Speed: 17 seconds (1400mm/min max. speed)</p> <p>Special Feature:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Ready to laminate in just 60 seconds with InstaHeat ✓ auto reverse for productive, ✓ Jam free performance ✓ Clean Alert System enables consistent results and laminator performance ✓ Auto-Shut Off after 30 mins inactivity <p>Item Dimension (cm): 13.02 (H) x 20.80 (W) x 53.02 (D)</p> <p>Jaminan / Warranty : Minima 1 Tahun</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 year manufacturer warranty against the manufacturing defect <p>ATAU SETARA</p>		<p>7</p>
<p>4</p>	<p>MESIN PENEBUK LUBANG-</p>		<p>4</p>

	<p>KANGARO HEAVY DUTY PUNCHER HOLES 300 SHEETS</p> <p>Material: 1.base materials: Aluminum Alloy Structure</p> <p>Category: 2 holes puncher</p> <p>Binding Materials: paper products</p> <p>Max, puching thickness: up to 300 sheets (80g)</p> <p>Jaminan / Warranty : Minima 1 Tahun</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 year manufacturer warranty against the manufacturing defect <p>ATAU SETARA</p>	<p>CONTOH</p>	
5	<p>PISAU PENEBUK LUBANG (MESIN PENEBUK LUBANG-KANGARO HEAVY DUTY PUNCHER HOLES 300 SHEETS)</p> <p>ATAU SETARA</p>	<p>KC-160-120</p>  <p>Spare Blade for - HDP 1320 - HDP 2160 - HDP 3160 - HSP 4160</p>	20
6	<p>PELAPIK (MESIN PENEBUK LUBANG-KANGARO HEAVY DUTY PUNCHER HOLES 300 SHEETS)</p> <p>ATAU SETARA</p>	 <p>KC-160N-127 for HDP 2160N HDP 2320N HDP 3160N HDP 4160N</p>	20
7	HEAVY DUTY FELLOWES		2

	<p>PAPER CUTTER ATAU SETARA</p> <p>Material: Stainless steel SafeCut blade for heavy duty</p> <p>Cutting Capacity: 20 sheet (80gsm)</p> <p>Special Features: Adjustable back margin for greater precision Variable paper clamp minimises paper movement when trimming Cutting guides for different size documents</p> <p>Jaminan / Warranty : Minima 2 Tahun 1 year manufacturer warranty against the manufacturing defect</p> <p>ATAU SETARA</p>	<p>CONTOH</p>	
<p>8</p>	<p>AUTOMATIC HAND DRYER</p> <p>Ukuran ±: 26.5 (L) x 21 (H) x 17 (W) cm</p> <p>Material: ABS Plastic</p> <p>Spesifikasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Auto cut-off: 30 seconds ✓ Drying Time: 20-25 seconds ✓ Sensor Type: Infrared ✓ Noise level: 50/60 dB ✓ Mounted on the wall ✓ Automatic Function <p>Jaminan / Warranty : Minima 1 Tahun 1 year manufacturer warranty against the manufacturing defect</p> <p>ATAU SETARA</p>		<p>2</p>

<p>9</p>	<p>Karcher WD1 WET AND DRY VACUUM CLEANER 15L WD 1 CLASSIC</p> <p>Spesifikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Container material : Plastic (yang setara dengannya) ii) Size : 15Liter iii) Warna : Kuning iv) 1200W-Horsepower v) Berat: 5.6kg vi) Voltan: 220 vii) Hos sedutan: 1.5m viii) Muncung lantai basah dan kering ix) Beg penapis kertas: 1pcs x) Penapis buih xi) Beg penapis tekstil: 1pcs <p>Jaminan / Warranty : Minima 1 Tahun 1 year manufacturer warranty against the manufacturing defect ATAU SETARA</p>		<p>3</p>
-----------------	---	--	-----------------

Maklumat:

- Spesifikasi yang dipaparkan adalah sebagai gambaran untuk rujukan pihak pembekal. Walaubagaimanapun pembekal boleh menawarkan **spesifikasi yang hampir sama atau setaraf**. Pihak Majlis boleh MENOLAK mana-mana bekalan mesin dan peralatan pejabat yang diterima sekiranya ianya tidak menepati spesifikasi yang setaraf dan pembekal perlu membekalkan semula mengikut kehendak Majlis.
- Bekalan yang dibekalkan juga haruslah berkualiti, tahan lasak dan mengikut spesifikasi.
- Tawaran harga adalah tidak termasuk kenaan Caj Jualan dan Caj Perkhidmatan (CJCP) sekiranya ada.
- Pihak petender hendaklah mengemukakan tempoh jaminan (**warranty**) **satu (1) tahun (minima)** untuk sebarang kerosakan mesin dan peralatan pejabat.
- Majlis akan memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa mesin dan peralatan pejabat yang dibekalkan itu adalah sama seperti yang dipesan. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah menggantikan jumlah mesin dan peralatan pejabat yang rosak atau **kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang tambahan kos.**

Tandatangan / Cop Pembekal

.....
Tarikh:



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

PENENTUAN BEKALAN/~~PERKHIDMATAN~~

PENENTUAN BEKALAN / PERKHIDMATAN

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

A) SYARAT-SYARAT AM BEKALAN

1. KEADAAN BARANG

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk cukai-cukai yang berkaitan, pengangkutan, pemasangan, pembungkusan dan lain-lain. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. PEMERIKSAAN

- i) Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu terlebih dahulu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain untuk pengesahan sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. PENOLAKAN

- i) Barangan yang rendah mutunya atau barangan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak oleh pihak Majlis.
- ii) Atas sebab-sebab (i) diatas, petender hendaklah menukar ganti barangan tersebut dengan barangan yang lain mengikut spesifikasi serta dipersetujui oleh pihak Majlis. Segala kos yang terlibat dalam proses menukar ganti barangan tersebut adalah dibawah tanggungan pihak petender.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. PEMBUNGKUSAN

- i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh petender.

8. PUNCA BEKALAN

- i) Petender dikehendaki menyatakan nama pembekal barangan/peralatan yang diminta sekiranya pembelian adalah tidak melalui syarikat pengeluar.
- ii) Utamakan barangan "Buatan Malaysia".

9. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai dan dalam keadaan sempurna. Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).

10. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

11. BARANG-BARANG "EX-STOCK" ATAU BARANG-BARANG KELUARAN DALAM NEGERI

- a) Cukai
Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.
- b) Pembungkusan
 - i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
 - ii) Kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

c) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

12. BARANG-BARANG YANG DIIMPORT DARIPADA LUAR NEGERI

a) Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

b) Matawang

Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

c) Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana barang-barang itu diperolehi.

d) Pembungkusan

- i) Barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
- iii) Kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh petender.

B) SYARAT SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 Pihak Majlis boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada petender melalui laman web sekiranya ada.
- 1.2 Pihak Majlis tidak bertanggungjawab terhadap apa jua kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal dan harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan petender.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar , memungkah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 3.2 Spesifikasi mesin dan peralatan pejabat hendaklah merujuk kepada Bahagian H: Jadual Spesifikasi Bekalan. Semua barangan hendaklah mengikut spesifikasi dan juga jenama yang dikehendaki oleh pihak Majlis atau barangan yang setara dengannya.
- 3.3 Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendakkan barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya semasa proses pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 3.4 Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 3.5 Tempoh Jaminan (*Warranty*)
 - 3.5.1 Tempoh Jaminan mesin dan peralatan pejabat yang dibekalkan ialah selama satu (1) tahun (minima) daripada tarikh penghantaran/ penyerahan. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa (*normal usage*) dan sekiranya dalam tempoh tersebut mesin atau peralatan pejabat itu rosak bukan akibat kecuaiannya pengguna, syarikat hendaklah diminta mengganti atau memperbaikinya secara percuma.
 - 3.5.2 Sekiranya pembekal didapati membekal barang yang tidak memenuhi spesifikasi, pihak Majlis berhak untuk tidak menerima atau memulangkan semula dan pembekal perlu menggantikan

bekalan mengikut keperluan. Dalam tempoh jaminan ini, semua penggantian bekalan yang rosak hendaklah dibuat tanpa mengenakan apa-apa bayaran/kos kepada Majlis.

- 3.5.3 Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.
- 3.5.4 Pihak Majlis akan memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa mesin dan peralatan pejabat yang dibekalkan itu sama seperti pesanan. Jika terdapat sebarang kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah diminta menggantikan jumlah mesin atau peralatan pejabat yang rosak atau yang kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang kos tambahan.
- 3.6 Petender dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawaian (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- 3.7 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang tidak dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.8 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Petender tanpa melibatkan sebarang kos oleh Majlis.

4. JADUAL PENGHANTARAN

- 4.1 Petender yang berjaya **WAJIB** membuat penghantaran seperti mana yang terkandung di dalam Dokumen Sebut Harga, seperti di Jadual Penghantaran sepanjang tempoh kontrak.
- 4.2 Petender yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Majlis.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

KADAR DENDA

KADAR DENDA

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan/bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan/bekalan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V (T + D)}{T} \times 5\%$$

**V: Nilai harga peralatan/bekalan yang lewat dibekalkan;
T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
D: Bilangan hari yang lewat.**

2. Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.

3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

JADUAL PENGHANTARAN

JADUAL PENGHANTARAN

1. TEMPOH PENYIAPAN DAN PENGHANTARAN

Tempoh bekalan bagi kerja ini adalah ditetapkan selama tiga puluh (30) hari dari tarikh mula kerja yang terkandung di dalam Surat Penerimaan Sebut Harga / Surat Setruju Terima, Sebut Harga / Pesanan Tempatan. Kos penghantaran adalah di bawah tanggungan pihak pembekal.

2. LOKASI PENGHANTARAN MESIN DAN PERALATAN PEJABAT

Bekalan m hendaklah dihantar ke alamat / lokasi yang ditetapkan dan mengikut arahan dari semasa ke semasa oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut:

BIL	LOKASI
1.	Bangunan Ibupejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya, Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
2.	Pejabat-Pejabat Cawangan Majlis Bandaraya Subang Jaya

Nota: Lokasi penghantaran akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Unit Perolehan dan Aset,
Bahagian Pentadbiran Am
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Aras 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-80263132/7435

Faks: 5637 6585



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN I

SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)

SURAT AKUAN PEMBIDA

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG MESIN DAN
PERALATAN PEJABAT UNTUK MBSJ BAGI TAHUN 2024

MBSJ.KP.400-5/2/75 JLD 2

Saya,No. Kad Pengenalan..... yang Mewakili nombor Pendaftarandengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
 - 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang- undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa--
 - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
 - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera

melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya

5. Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
6. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Tarikh : _____
Cap Syarikat : _____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak komersial itu